

SULIT
1103/2
BAHASA
MELAYU
KERTAS 2
OKTOBER
2003
2 1/2 JAM

1103/2

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2003
TINGKATAN EMPAT

BAHASA MELAYU
KERTAS 2

Dua Jam Tiga Puluh Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi Soalan 3(b), 3(c), 3(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan amalan membaca kepada masyarakat di negara ini. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Apabila dikemukakan pertanyaan tentang faedah membaca, orang ramai tentu memberikan jawapan yang berbagai-bagai. Antara jawapan yang diutarakan ialah amalan membaca dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Pembaca akan memperoleh pengetahuan tentang pelbagai perkara, termasuklah pengetahuan dalam bidang sains, sejarah, kebudayaan, ekonomi, dan lain-lain bergantung pada bahan yang dibaca. Dengan berbuat demikian juga, masa yang terluang dapat diisi secara yang berfaedah. Perkara ini ditujukan khas kepada remaja. Hal ini demikian kerana mereka tidak mempunyai masa yang panjang untuk melepak di sana sini. Pandangan yang sedemikian memperlihatkan bahawa amalan membaca amat penting kepada kita.

Kerajaan telah melaksanakan berbagai-bagai usaha untuk meningkatkan minat membaca di negara ini. Kini, lebih ramai anggota masyarakat yang sedar tentang kepentingan membaca. Kalau dahulu kanak-kanak mula berdamping dengan buku hanya apabila mereka memasuki alam persekolahan, kini kanak-kanak dibiasakan dengan bahan bacaan seawal yang mungkin. Seseengah kanak-kanak dapat membaca dengan lancar sebelum memasuki sekolah rendah. Walaupun begitu, usaha memujuk orang ramai membaca tidak mudah untuk direalisasikan memandangkan kebanyakan pelajar tidak lagi menganggap aktiviti pembacaan penting setelah mereka meninggalkan alam persekolahan. Ketika itu, pelajar tidak lagi menyedari bahawa banyak peristiwa tentang kehidupan terdapat dalam bahan bacaan. Dengan berbuat demikian, pembaca dapat mempelajari. Kesilapan ini menyebabkan individu tidak gemar membaca.

Media massa ada melaporkan berita tentang kempen membaca sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan minat membaca di kalangan anggota masyarakat di negara ini. Namun, usaha tersebut kurang berkesan selagi individu, khususnya pelajar tidak menyedari bahawa aktiviti pembacaan dapat membantu mereka menguasai bahasa dengan betul, selain mendedahkan gaya penulisan yang pelbagai kepada mereka. Hal ini demikian kerana individu yang banyak membaca akan membiasakan diri dengan gaya penulisan yang terdapat dalam bahan bacaan yang dibaca. Dari aspek yang lain pula, permintaan terhadap buku oleh anggota masyarakat akan bertambah.

Walaupun kepentingan membaca tidak dipertikaikan oleh sesiapa, usaha untuk mengubah corak pemikiran anggota masyarakat bukanlah mudah. Tanggungjawab untuk meningkatkan minat membaca hanya menjadi realiti sekiranya adanya kerjasama semua pihak. Di sekolah, guru perlu memainkan peranan dengan memperlihatkan kepentingan amalan membaca dalam pendekatan pengajaran mereka. Ibu bapa pula perlu membina persekitaran yang dapat mendorong anak-anak membaca. Walaupun begitu, usaha ini tidak membawa sebarang erti sekiranya ibu bapa bersikap seperti ketam mengajar anak mereka berjalan dengan betul. Sekiranya semua pihak memainkan peranan, tidak mustahil masyarakat yang berbudaya membaca dapat dilahirkan di negara ini suatu hari nanti.

(Petikan penggubal)

Soalan 2 : Pengetahuan Bahasa dan Kemahiran Tatabahasa**[20 markah]****Jawab semua soalan.**

(a) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham maksud dan penggunaannya.*

- (i) setempat
- (ii) bertempat
- (iii) penempatan
- (iv) menempatkan

[4 markah]

(b) *Dalam ayat-ayat di bawah terdapat penggunaan kata atau istilah yang tidak sesuai. Tulis ayat-ayat di bawah semula dengan menggantikan kata atau istilah tersebut.*

- i. Beberapa ekor lembu yang sedang memagut rumput di padang itu bertebaran lari apabila dikejar anjing garang.
- ii. Limah tidak dapat mengampu bakul itu kerana kepalanya bengkok akibat tertanduk pada dinding ketika cuba mengelak daripada disengat seekor tebuhan.

[4 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat beberapa kesalahan tatabahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan itu dan betulkan dengan menulis ayat berkenaan semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- i. Setengah orang berpendapat yang ekonomi negara semakin berkembang dari masa ke masa.
- ii. Sebahagian besar ahli-ahli pertubuhan itu telah membayar yuran mereka pada wakil bendahari pertubuhan.
- iii. Wang yang mereka dermakan itu akan digunakan untuk membelikan pakaian dan ubat-ubatan mangsa peperangan.

[6 markah]

(d) *Tulis ayat-ayat di bawah ini semula supaya menjadi dua ayat sahaja tanpa mengubah maksud dan susunan asal ayat-ayat tersebut.*

Masalah kesesakan lalu lintas semakin ketara. Masalah ini ketara pada hari ini di bandar-bandar besar di negara ini. Kesesakan lalu lintas menimbulkan tekanan kepada masyarakat kota. Kesesakan lalu lintas juga mendatangkan masalah kepada sesiapa sahaja yang kerap berurusan di sana. Masalah ini wajar diatasi. Terdapat berbagai-bagai cara untuk mengatasinya. Langkah untuk mengatasinya adalah dengan menjayakan kempen berkongsi kenderaan. Langkah ini jika dilaksanakan dapat mengurangkan jumlah kenderaan di jalan raya pada satu-satu masa.

[6 markah]

Soalan 3 : Pemahaman

[35 markah]

*Jawab semua soalan***(a) Petikan Umum**

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan kata-kata anda sendiri.

Masalah kos dan prasarana telekomunikasi masih menghantui negara sedang membangun dan negara miskin bagi menyediakan infrastruktur yang cukup untuk membolehkan setiap rakyatnya mempunyai capaian internet.

Kajian yang dijalankan oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) mendapati bahawa kos merupakan faktor utama yang mengehadkan capaian internet. Kos berkenaan dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu harga perkakasan dan perisian, peruntukan capaian internet, dan caj perkhidmatan telefon. Secara amnya, wujud jurang yang besar antara negara kaya dengan negara miskin menyebabkan kos berbeza secara relatif mengikut pendapatan per kapita sesebuah negara.

Kekurangan prasarana terutamanya talian telefon turut menjadi halangan terbesar bagi meningkatkan capaian internet di negara sedang membangun. Peningkatan kesedaran terhadap kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menyebabkan semakin banyak negara sedang membangun yang merangka dasar bagi menggalakkan syarikat telekomunikasi menyediakan rangkaian talian telefon.

Negara membangun memberikan pelbagai pilihan kepada operator telekomunikasi untuk melaksanakan dasar berkenaan, termasuk memberikan kelonggaran kepada operator telekomunikasi untuk melaksanakan dasar berkenaan, termasuk memberikan kelonggaran kepada operator melabur semula keuntungan yang diperoleh. Selain itu, aspek lain yang diutamakan ialah kandungan dalam internet harus merangkum bahasa yang digunakan. Hal ini penting kerana jika pengguna tidak memahami bahasa Inggeris, maka mereka tidak dapat memahami maklumat yang terdapat di internet, dan sebagai akibatnya mereka kehilangan minat terhadap internet. Kajian Persatuan Internet mendapati bahawa lebih 80 peratus laman web menggunakan bahasa Inggeris walaupun hanya 54 peratus yang memanfaatkan bahasa terbabit dalam percakapan harian.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana *Capaian Internet Negara Miskin Masih Rendah*, Hizral Tazzif Hisham, *Berita Harian*, 9 Mei 2001)

- (i) Mengapakah kewangan dikatakan penghalang utama kepada negara membangun dalam usaha untuk menyediakan kemudahan internet kepada rakyatnya?
[3 markah]
- (ii) Bahasa dianggap faktor yang mengurangkan minat penduduk negara membangun untuk menggunakan internet. Berikan sebabnya.
[2 markah]
- (iii) Bandingkan pencapaian penduduk yang terdedah kepada penggunaan internet dengan pencapaian penduduk yang tidak terdedah kepada internet dalam bidang pendidikan.
[3 markah]

(b) Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan kata-kata anda sendiri.

“Orang-orang Jabatan Tanah British Columbia dah datang. Ada beberapa orang pegawai tentera juga....”

“Suruh mereka tunggu.” Yvonne menyeletuk kata-kata Mazlina.

“Tapi mereka bawa jentolak juga.”

“Mustahil. Gila. Eh, apa hak mereka? Mereka ada kebenaran dari mahkamah ke?” Yvonne menjegilkan biji matanya. Kini dia turut cemas. Mazlina menggeleng kepala.

“Kita nak buat bagaimana ni? Ya Allah, selamatkanlah Tsolum River Fruit Trees kami.”

Yvonne berjalan pantas melewati pohon-pohon epal *wagener*, *ashton brown jersey*, dan *winesap*. Mazlina di belakangnya. Juga Bethoven. Selang seketika kemudian, Yvonne sudah berdiri di hadapan rombongan tersebut. Dia mencekak pinggang.

“Kalian mesti langkah mayat aku dahulu sebelum memusnahkannya.”

Mazlina terkesima. Mulutnya melopong.

“Cik, anda sekarang berada di atas tanah milik kerajaan. Anda boleh didakwa.”

“Eeeiii, kalian ada surat mahkamah? Kalian fikir aku tidak tahu undang-undang? Jangan nak tunjuk lagak.” Yvonne mara ke hadapan.

Mazlina semakin cemas.

(Dipetik daripada cerpen *Kerana Manisnya Epal*, karya Faizal Tehrani, dalam *Antologi Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)

- (i) Apakah yang dimaksudkan oleh Yvonne menerusi kalimat “*kalian mesti langkah mayat aku dahulu sebelum memusnahkannya*”?
[2 markah]
- (ii) Sekiranya anda Yvonne atau Mazlina, apakah yang akan anda lakukan untuk mengatasi masalah tersebut?
[4 markah]
- (iii) Berikan dua nilai kemanusiaan yang terdapat dalam petikan di atas dan dua nilai kemanusiaan lain yang terdapat dalam cerpen ini.
[4 markah]

(c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan cerita di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan kata-kata anda sendiri.

Adapun Kasubarasa itu tiga lagi anaknya yang tua itu menjadi seekor burung namanya Aran-Aran ialah yang menerbangkan bulan di langit, anak yang tengah itu menjadi garuda di Bukit kaf, anaknya yang muda sekali itulah yang bernama Jentayu Kasubarasan. Besarnya seperti sebuah bukit. Tatkala itu Jentayu Kasubarasa melihat Maharaja Rawana melarikan seorang perempuan terlalu elok rupanya dan cahaya mukanya dan pakainya kesumba warna emas-emasan. Maka semuanya dan kayu itu warnanya kilau-kilauan daripada warna muka dan pakaian Sita Dewi itu. Maka kata Jentayu, “Tiada lain yang dilarikan Maharaja Rawana itu hanya Sita Dwi isteri Seri Rama juga.” Sudah ia berkata demikian maka Jentayu pun terbang ke udara. Maka bertemu dengan Maharaja Rawana lalu ia berkata, “Hai Maharaja Rawana, mengapa tuan hamba melarikan isteri Seri Rama? Tiadakah tuan hamba berjanji dengan Nabi Adam tatkala itu tuan hamba berkata, “Tiadalah hambamu berbuat salah dalam dunia.” Maka kata Maharaja Rawana, “Hai Jentayu Kasubarasa pedulimu kepada kerjaku berbuat dia aku beroleh dia.”

(Dipetik daripada *Sikap Terburu-buru Akan Membawa Padah* dalam *Antologi Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)

- (i) Terangkan bentuk penyamaran ketiga-tiga anak Kasubarasa. Mengapakah penyamaran itu perlu dilakukan ? [4 markah]
- (ii) Cerita yang digambarkan dalam *Sikap terburu-buru Akan membawa Padah* berkisar tentang perasaan ingin membalas dendam. Pada pandangan anda, wajarkah hutang nyawa dibalas dengan nyawa? Berikan alasan anda. [4 markah]
- (d) **Petikan Puisi**

Baca petikan syair di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan kata-kata anda sendiri.

SYAIR PEMBUNUHAN ANGRENI

- | | | | |
|----|---|----|--|
| 1 | Setelah sampai ke tepi pantai,
Pasirnya putih sangat permai,
Batunya indah bagai dicanai,
Ombak memecah di tepi pantai. | 25 | Hatinya sangat belas kasihan,
Di sinilah tempat perhentian,
Sang Nata menyuruh kepada tuan,
Membawa tuan ke dalam hutan. |
| 5 | Ada sephohon bunga cina,
Cempaka berapit dengan angsana,
Kuntum indah serba warna,
Berhentilah Raden Kartabangsa. | 30 | Serta Angreni mendengar kata,
Ia pun menangis menumbuk dada,
Jikalau demikian kehendak Sang Nata,
Redalah mati kakang nan beta. |
| 10 | Ada suatu batu yang rata,
Terhampar rupa seperti geta,
Raden Perbangsa segera berkata,
Di sinilah adinda berhenti kita. | | |
| 15 | Angreni turun dari juli,
Melungguh di batu berjuntai kaki,
Rasa hati sangatlah sali,
Pada perasaan salah sekali | | |
| 20 | Perlahan bermadah Ratna Angreni,
Tuanku mengapa kita ke mari,
Kerana waktu sudah tengah-hari,
Di manakah tempat Raden Menteri. | | |
| | Dahulu tuanku sanggup menghantar,
Kepada adinda muda yang sabar,
Sekarang mengapa dalam belukar,
Raden menyahut rasanya sukar. | | |

(Dipetik daripada *Antologi Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000)

- (i) Mengapakah Raden Kartabangsa membawa Ratna Angreni ke dalam hutan? [2 markah]
- (ii) Pada pandangan anda, mengapakah Ratna Angreni dijatuhi hukuman bunuh? [3 markah]
- (iii) Berikan dua pengajaran yang boleh diteladani berdasarkan syair tersebut. [4 markah]

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawapan mestilah berdasarkan novel Terminal Tiga karya Othman Puteh.

- (a) **Kematangan penulis amat mempengaruhi hasil tulisan seseorang penulis itu. Berdasarkan novel yang anda telah pelajari, tulis biodata pengarang novel tersebut.**

[7 markah]

- (b) **Pengajaran dalam sesebuah novel pada umumnya dapat dijadikan pedoman hidup. Huraikah pengajaran dalam novel yang anda kaji yang dapat anda memanfaatkan sebagai pedoman.**

[8 markah]**KERTAS SOALAN TAMAT**